

10/11/1998

SB siasat `peranan' personaliti

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu mengenai siasatan polis Cawangan Khas (SB) mengenai `peranan' yang dimainkan beberapa personaliti berkaitan surat yang ditulis oleh Ummi Hafilda Ali dan pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar berhubung salah laku seksual Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perkara itu diberitahu oleh saksi pertama, bekas Pengarah SB, Datuk Mohd Said Awang, dalam jawapan daripada soal balas yang dikemukakan peguam bela, Gurbachan Singh, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar.

S: Tolong berikan saksi ini ID17. Datuk Said, boleh anda rujuk muka surat 2 dan sahkan perenggan terakhir surat itu yang berbunyi;

"... selain daripada itu dengan keyakinan dan jaminan yang diberikan oleh rakan-rakan Cik Ummi iaitu Dr Ristina, Mohamad Taib dan rakan Mohamad Taib bernama "Tan", saya merasakan ketika itu tindakan saya ini adalah betul dan tidak perlu dikhuatirkan. Lebih-lebih lagi apabila diberitahu oleh Mohamad Taib bahawa saya tidak perlu takut kerana perkara ini telah disampaikan kepada Datuk Aziz Shamsudin yang memberitahu akan memajukan surat itu kepada YAB Perdana Menteri..."

S: Datuk, adakah nama itu disebut sebelum ini?

J: Ya.

S: Adakah Dr Ristina itu, namanya disebut kerana Ummi Hafilda dan Azizan ditangkap di rumahnya?

J: Ya.

S: Adakah Mohamad dan Tan itu dirujuk sebagai dua lelaki yang didakwa menyamar sebagai pegawai cawangan khas?

J: Mohamad Taib, ya, tetapi Tan saya tak tahu, dia mungkin ikut Mohamad Taib.

S: Datuk, sila buka muka surat 3, adakah personaliti yang disebut dalam muka surat itu adalah setiausaha politik Perdana Menteri?

J: Ya, Datuk Aziz Shamsudin adalah salah seorang setiausaha PM.

S: Datuk Said, bolehkah anda sahkan bahawa Mohamad Taib bukan daripada cawangan khas?

J: Dia pernah bertugas di cawangan khas, kemudian dipindahkan daripada cawangan itu dan selepas itu dia dipecat daripada pasukan polis.

S: Adakah betul, ketika surat Azizan ini ditulis, Mohamad Taib sudah tidak berkhidmat lagi dengan pasukan polis?

J: Ya.

S: Sekarang, anda rujuk muka surat tiga dan baca pada perkataan bermula..."YAB Dato Sri, saya sedar kini akan kesilapan saya bahawa surat bersumpah berkenaan sememangnya tidak berasas kerana tidak terdapat sebarang bukti atau fakta sokongan dakwaan saya itu...". Adakah kenyataan ini dibuat oleh Azizan?

J: Ya.

S: Rujuk para berikutnya... "Saya mengakui bahawa tindakan saya itu boleh disifatkan sebagai fitnah yang saya sedar di sisi agama adalah suatu dosa besar. Adakah fitnah dirujuk kepada "slander"?

J: Ya.

S: Adakah dosa besar itu dirujuk kepada "big sins"?

J: Ya.

S: Rujuk perenggan berikutnya..."Dengan itu saya memohon jutaan ampun dan maaf kepada YAB Perdana Menteri dan Datuk Seri Anwar Ibrahim di atas kesalahan saya itu..." Adakah jutaan ampun dirujuk kepada "million

apologies".

J: Ya.

S: Rujuk perenggan berikutnya... "Pengakuan terhadap kesalahan saya ini dilakukan oleh diri saya sendiri tanpa dorongan mana-mana pihak dan ianya adalah bagi menjelaskan kedudukan sebenar..." Adakah ini kenyataan Azizan?

J: Ya, kenyataan ini dibuat oleh Azizan untuk menarik balik pengakuan dan penafiannya tetapi dibuat selepas proses "turning down" (menukar pengakuan).

S: Datuk, boleh anda rujuk kepada ID18. Sila lihat muka surat 3, perenggan 1 yang berbunyi; ...Ekoran itu saya telah merujuk perkara ini pada kenalan baru saya iaitu Puan Zeila Jalil dan Dr Ristina Majid. Adakah Zeila Jalil isteri kedua kepada Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob?

J: Ya.

S: Perenggan seterusnya, ... "Ekoran ini Datuk Megat Junid telah merujuk perkara itu kepada Tun Daim Zainuddin selaku orang yang paling rapat dengan Perdana Menteri. Sehubungan itu, berlaku pertemuan di antara saya, Zeila dan Tun Daim pada awal Ogos 1997 bertempat di pejabat Tun Daim Zainuddin..." Adakah ini peranan yang dimainkan oleh personaliti itu?

J: Ya.

S: Datuk, Adakah cawangan khas membuat siasatan ke atas peranan yang dimainkan oleh personaliti itu, iaitu Datuk Megat Junid dan Tun Daim?

J: Ya, kami dapat risikan daripada seseorang.

S: Ayat seterusnya... "Pada masa yang sama perkara ini telah dirujuk kepada Dr Ristina Majid yang kemudian telah menguruskan pertemuan dengan rakannya iaitu Datuk Aziz Shamsudin yang memegang jawatan selaku Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri pada awal Ogos 1997..." Adakah Cawangan Khas membuat siasatan ke atas Dr Ristina dalam hal ini?

J: Ya kami mengadakan siasatan ke atas peranan yang dimainkan oleh Dr Ristina untuk menguruskan pertemuan di antara Ummi Hafilda dengan Aziz.

S: Perenggan seterusnya, ... "Sehubungan dengan itu Datuk Aziz Shamsudin telah menemukan saya dengan dua pegawai yang mendakwa mereka dari unit Cawangan Khas JPM iaitu, En Taib..." Adakah anda membuat siasatan ke atas mereka?

J: Saya juga dapatkan risikan daripada tuduhan itu. Saya menambah, risikan itu diperolehi daripada siasatan laporan itu.

S: Sila rujuk perenggan terakhir muka surat 4, yang berbunyi; ... "Walau bagaimanapun semasa dalam siasatan polis ekoran dari laporan yang diajukan serta melalui sesi perbincangan yang diadakan saya dapati bahawa segala perkara yang berbangkit itu banyak bergantung kepada fakta-fakta yang tidak lengkap di mana kebanyakan pandangan itu hanya berdasarkan anggapan dan adaian yang tidak dapat dibawa ke tengah bagi membuktikan kesahihan pandangan saya ketika itu..." Adakah anda boleh sahkan bahawa ia datang daripada siasatan Cawangan Khas?

J: Saya tidak dapat sahkan.

S: Sila rujuk perenggan terakhir muka surat 5, ... "YAB sebagai salah seorang dari ahli keluarga yang terlibat dalam kemelut masalah ini ingin meminta jasa baik dan budi bicara YAB bagi menjernihkan suasana kekeruhan kerana di pihak yang satu lagi menganggap ianya satu motif penganiayaan sedangkan ianya lebih kepada perasaan ingin membetulkan keadaan..." Adakah anda boleh sahkan ini?.

J: Ya.

S: Adakah motif penganiayaan bermaksud "frame up motive" tertuduh?

J: Ya.

S: Akhir sekali, sila rujuk muka surat 6, perenggan 1 berbunyi; ... "YAB, saya bagi pihak keluarga ingin memohon maaf sekiranya laporan sulit ini telah menimbulkan pelbagai kekeliruan yang berbangkit..."

Hakim Datuk S Augustine Paul mencelah: "Lebih baik awak tanya soalan ini

kepada penulis surat itu?"

Gurbachan menjawab: "Ini soalan terakhir saya".

Mohd Said menjawab: "Ya".

NOTA:

ID14A (surat pengiring)

ID14B (surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri (TPM) yang ditulis oleh Ummi Hafilda Ali)

ID14C (surat sumpah Azizan Abu Bakar yang dibuat pada 5 Ogos 1997).

ID15 (surat Talqin terbuka untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim).

ID16 (laporan polis yang dibuat oleh pegawai pengiring Anwar, Asisten Superintendan, Zull Aznam Haron di Balai Polis Travers).

ID17 (surat pengakuan bersumpah Azizan yang dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertarikh 18 Ogos 1997).

ID18 (surat pengakuan bersumpah Ummi Hafilda yang dihantar kepada Dr Mahathir, bertarikh 18 Ogos tahun lalu).

D25 (laporan dibuat oleh Mohd Said kepada Dr Mahathir berhubung hasil siasatan polis dakwaan dalam IDB, adalah palsu dan tidak benar).

(END)